

Headline	Menelusuri kehidupan spesies katak waktu malam	Language	Malay
Date	20 Aug 2009	Page No	10,11
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	1160 cm ²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI	PRValue	68,780
Frequency	Daily		
ADValue	22,927		



Menelusuri kehidupan spesies katak waktu malam

Oleh **WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI**
(shahara.ghazali@utusan.com.my)

INSTITUT Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) bukan sekadar masyhur sebagai sebuah pusat ilmu kaji hayat penting negara tetapi juga menempatkan sebuah pusat pendidikan alam yang dikenali sebagai Pusat Pendidikan Alam FRIM-MNS-Shell (FRIM-MNS-Shell NEC).

Sesuai dengan usianya yang mencecah usia matang 17 tahun, NEC turut bersama-sama dunia meraikan tahun ini sebagai Tahun Astronomi Antarabangsa (IYA) 2009 melalui wajah baru bertemakan alam astronomi.

Simbol kerjasama pintar di antara agensi kerajaan, korporat dan NGO alam yang ditubuhkan sejak 1992 itu, diuruskan oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) serta menerima biaya tahunan daripada syarikat gergasi Shell.

Ia kini dihias dengan diorama visual galaksi Bima Sakti dengan susunan bintang-bintang yang bersinar dalam gelap.

Juga dilengkapi dengan penerangan ringkas tapi padat serta lain-lain alat bantu belajar sekali gus menjadikan pendidikan astronomi amat mudah dan menyeronokkan.

Pusat pendidikan alam itu berperanan menggalakkan pemahaman, pengetahuan dan penghargaan orang ramai seterusnya meningkatkan kemahiran serta membantu masyarakat mengambil tindakan demi alam semulajadi.

Bukan sekadar berwajah baru, NEC

juga menaiktaraf pelbagai kemudahan pusat itu serta menambah aktiviti-aktiviti baru yang sesuai dengan fungsinya untuk kegiatan luar sekolah mahupun bersantai sambil meluaskan pengetahuan am.

Mungkin ramai yang tidak mengetahui bahawa FRIM sebenarnya dibuka kepada umum untuk beriadah.

Rimbunan pelbagai jenis pokok hutan hujan tempatan menyediakan suasana tenang dan menghijau yang amat eksklusif untuk warga kota serta udaranya yang segar dan sejuk menjadikannya pilihan popular untuk senaman awal pagi atau lewat petang.

Kawasan FRIM juga merangkumi sebuah bukit semula jadi yang kecil dengan air terjun dan sungai kecil yang sering menjadi lokasi perkelahan keluarga warga kota di hari-hari cuti.

Sungai kecil itu juga memainkan peranan penting dalam salah satu aktiviti NEC yang amat menarik iaitu herping atau 'memburu' katak.

Aktiviti itu boleh dilakukan dalam kumpulan kecil diiringi oleh

Headline	Menelusuri kehidupan spesies katak waktu malam	Language	Malay
Date	20 Aug 2009	Page No	10,11
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	1160 cm ²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI	PRValue	68,780
Frequency	Daily		
ADValue	22,927		

koordinador herpetofauna NEC iaitu **Hurnain Hamid**.

Hurnain, 32, sebenarnya tidak mempunyai latar belakang biologi malah beliau bekerja sebagai seorang pakar audit di sebuah syarikat kejuruteraan.

Tetapi sukarelawan MNS cawangan Selangor itu begitu meminati kajian reptilia dan amfibia, bahkan mempunyai pengalaman luas sebagai sukarelawan MNS yang menyampaikan kesedaran dan pendidikan mengenai kumpulan haiwan itu di FRIM sejak tahun 2003 lagi.

Uniknya meskipun sungai di FRIM itu hanyalah sebuah anak sungai yang kecil, ia mempunyai biodiversiti yang sangat tinggi dengan pelbagai haiwan reptilia serta dihuni oleh sekurang-kurangnya lima keluarga katak.

“Setakat ini, sebanyak 18 spesies katak telah dikenal pasti bergantung hidup di sekitar sungai dan air terjun FRIM,” kata Hurnain semasa membawa sekumpulan ahli baru MNS menjelajah hutan itu di



PESERTA begitu teliti mencari spesies katak di FRIM Keping.



HURMAIN HAMID

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
ADValue

Menelusuri kehidupan spesies katak waktu malam
20 Aug 2009
Utusan Malaysia
Supplement
WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI
Daily
22,927

Language
Page No
Article Size
Color
PRValue

Malay
10,11
1160 cm²
Full Color
68,780



PROF. Johann Dreyer, yang dijemput khas dari University of South Africa, menyampaikan taklimat kepada peserta.

Headline	Menelusuri kehidupan spesies katak waktu malam	Language	Malay
Date	20 Aug 2009	Page No	10,11
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	1160 cm ²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI	PRValue	68,780
Frequency	Daily		
ADValue	22,927		

waktu malam, baru-baru ini.

Perjalanan yang mengambil masa kira-kira satu jam itu terasa amat segar sekali dengan udara berbayu sejuk serta nyaman.

Pengalaman itu juga agak mencabar ekoran hujan lebat turun tidak lama sebelum itu menjadikan tapak laluan agak berlumpur dan licin selain kawasan hutan itu terlalu gelap tanpa sebarang simbahana lampu.

Sebenarnya keadaan gelap dan sunyi itu menyediakan persekitaran hidup paling baik semulajadi dan membebaskan haiwan liar yang bergantung hidup di situ daripada sebarang tekanan.

Sebelum memulakan perjalanan Hurnain mengingatkan bahawa peserta sebenarnya mencero bohi keseimbangan tempat tinggal yang telah sempurna.

Justeru memandangkan manusia sebenarnya mengganggu ketenangan dan keseimbangan itu, pelawat mesti lebih berhati-hati semasa melangkah dan hanya membuka mulut atau lampu suluh hanya jika benar-benar perlu.

Selain itu semua katak hanya dibenarkan ditangkap menggunakan tangan dan mesti dilepaskan semula secepat mungkin bagi mengurangkan stres terhadap haiwan dua alam itu.

Semasa perjalanan yang amat ringkas dan mengujakan itu, kami menyusuri anak sungai sambil mengekori bunyi

katak. Sebanyak tiga ekor katak dari spesies berbeza berjaya ditangkap.

Katak pertama yang ditemui ialah katak *Hendrikson (Leptobrachium hendricksonii)* dari keluarga Megophryidae. Melihat pada kaki katak yang kecil itu, Hurnain merumuskan bahawa ia katak yang lebih banyak merayap berbanding melompat.

Ini kerana kaki belakangnya terlalu kecil untuk menyokong keperluan otot bagi melompat kuat.

Ia adalah katak jantan kerana biasanya katak betina dari spesies yang sama bersaiz dua kali ganda lebih besar.

Seterusnya, spesies katak kedua yang berjaya dikejar adalah lebih besar iaitu katak *Giant Asian River Frog (Limnonectes blythii)* dari keluarga Ranidae.

Kakinya yang kelihatan besar, panjang dan tegap membuktikan bahawa ia mampu melompat dengan kuat.

Selain itu, apabila diamati tapak kaki belakangnya, didapati ia mempunyai kaki separa sawang yang membuktikan bahawa ia juga seekor perenang yang amat baik.

Malah, jelas Hurnain, spesies itu sebenarnya spesies yang popular dijadikan hidangan kaki katak di restoran-restoran makanan cina.

Katak ketiga yang berjaya ditangkap mempunyai fizikal yang amat menarik dengan warna jingga berbintik-bintik hitam.

Katak *Asian Sticky Frog* atau spesies *Kalophrynus pleurostigma* dari keluarga Microhalidae itu mempunyai kepala yang sangat kecil dengan kepala meruncing dan badan yang melebar.

Keunikan katak itu terletak pada mekanisme pertahanannya iaitu kulitnya akan merembeskan sejenis cecair yang likat dan melekit.

Kejutan itu menyebabkan pemangsa akan segera melepaskannya.

Ia memilih untuk hidup merayap di atas tanah dan di celah-celah daun. Tambahan pula, kakinya yang pendek tanpa sawang jelas menunjukkan bahawa ia bukan perenang yang baik.

Yang pasti, perjalanan mengejar katak meninggalkan 1001 kenangan menarik yang sukar dilupakan.

Maklumat lanjut atau tempatan untuk bermesra dengan katak yang menghuni sungai FRIM boleh didapati di laman web www.mns.org.my atau hubungi MNS di talian 03-22879422.

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
ADValue

Menelusuri kehidupan spesies katak waktu malam

20 Aug 2009

Utusan Malaysia

Supplement

WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI

Daily

22,927

Language

Page No

Article Size

Color

PRValue

Malay

10,11


1160 cm²

Full Color

68,780



HURMAIN Hamid (kiri), memberi penerangan kepada peserta aktiviti mencari katak di Pusat Penyelidikan Alam FRIM-MNS-SHELL, Kepong, baru-baru ini.



**KEPUASAN
tercapai apabila
berjaya menemui
apa yang
diidamkan.**